

38 rumah, Klinik Kesihatan Lurah Bilut dilanda banjir kilat

KUANTAN – Sebanyak 38 buah rumah, sebuah klinik kesihatan dan kompleks perumahan guru di Lurah Bilut dekat Bentong dilanda banjir kilat awal pagi semalam berikutan hujan lebat lewat malam kelmarin.


Timbalan Ketua Polis Daerah Bentong, Deputy Superintendan Wan Azharudin Wan Ismail berkata, kejadian pukul 2.30 pagi itu turut mengakibatkan 18 buah kenderaan termasuk tiga kereta milik Jabatan Kesihatan Daerah Bentong mengalami kerosakan.

Katanya, kawasan yang terlibat dalam kejadian banjir kilat itu ialah kuarters guru Lurah Bilut, Klinik Kesihatan Lurah Bilut, kawasan Kampung Baru Lurah Bilut dan Sungai Penjuring.

“Di kuarters guru sahaja sebanyak 20 buah rumah terlibat, 11 daripadanya berpenghuni manakala di Klinik Kesihatan Lurah Bilut pula, dua rumah kakitangan turut dinaiki air sedalam hampir satu meter,” katanya di sini semalam.

Bagaimanapun katanya, tiada kemalangan jiwa dilaporkan selain tiada mangsa dipindahkan dalam kejadian itu.

Air mulai surut kira-kira pukul 4.15 pagi semalam dan kerja pembersihan sedang dijalankan. – Bernama



KEADAAN Klinik Kesihatan Lurah Bilut yang dinaiki air sedalam setengah meter dalam kejadian banjir kilat awal pagi semalam.